



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	20/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	JMG		

# Hujan berlebihan punca 3 bencana tanah runtuh

**Kuala Lumpur:** Tiga bencana tanah runtuh yang berlaku dalam tempoh tiga hari berturut-turut sejak 15 September lalu di Kota Kinabalu, Cameron Highlands dan Ampang, berpunca daripada faktor hujan yang berlebihan atau dalam tempoh masa lama.

Menurut Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dalam kenyataan, semalam, faktor pencetus itu dikenal pasti oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dalam laporan kejadian yang disediakannya.

"Faktor pencetus bersama faktor penyumbang lain seperti bahan geologi serta morfologi cerun di tempat kejadian, telah menyumbang berlakunya kegaga-

lan cerun dan mengakibatkan tanah runtuh berlaku," katanya. Pada 15 September lalu, insiden tanah runtuh di tapak pembinaan Forest Hill Residences Condo, Jalan Bundusan, Kota Kinabalu, Sabah, meragut tiga nyawa.

Keesokannya, kejadian tanah runtuh di Kilometer 0.1 Jalan Sungai Palas, Cameron Highlands pula mengorbankan seorang warga tempatan.

Jumaat lalu, insiden tanah runtuh di Kemensah Heights, Ampang, Selangor, menyebabkan 28 keluarga yang mendiami rumah teres dua tingkat terjejas dan diarah mengosongkan rumah.

Menurut kenyataan itu lagi, apabila berlaku bencana tanah runtuh, KeTSA melalui JMG diberi tanggungjawab menjalankan siasatan kerana memiliki kepakaran dalam bidang geologi.

Katanya, pemeriksaan tapak bencana dalam tempoh 24 jam sebaik sahaja menerima maklumat kejadian tanah runtuh.

Penilaian tahap keselamatan pula dibuat seurus tiba di tapak bencana, bagi memastikan kumpulan penyiasat JMG serta agensi berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR), ti-

dak terdedah kepada ancaman runtuh susulan.

"Bagi tujuan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana, pihak JMG melaksanakan penzonan kawasan bencana mengikut tahap risiko yang terbahagi kepada dua, iaitu Zon Bahaya dan Zon Kawalan.

"Zon Bahaya berada dalam perimeter jasad tanah runtuh, manakala Zon Kawalan ialah kawasan mengelilingi Zon Bahaya yang mempunyai ciri geologi dan geomorfologi cerun yang sama dengan Zon Bahaya serta terdapat tanda-tanda pergerakan tanah," katanya.

"Semua inisiatif dilaksanakan ini adalah berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Di Ka-

wasan Zon Bencana Tanah Runtuh," kata kenyataan itu.

Seterusnya, KeTSA berkata, pembabitin kementerian itu melalui JMG akan membantu agensi serta kerajaan negeri dalam membuat keputusan untuk melaksanakan tindakan susulan mitigasi dan penentuan keselamatan tapak bagi kawasan yang terjejas.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan Menteri Alam Sekitar dan Air, Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata kos projek menstabilkan cerun di kawasan tanah runtuh Kemensah Heights serta menaik taraf Sungai Kemensah, dianggarkan bernilai RM10 juta.

**BH, 20 Sept  
2021\_13**